

Sejarah Pentadbiran Undang-Undang Zakat di Negeri Kedah 1955 - 1982: Analisis Penggubalan Undang-Undang Bertulis

The History of Zakat Law Administration in Kedah 1955 - 1982: An Analysis of Written Law Legislation

Mohd Shuzaini Soib ✉, Jasni Sulong
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Malaysia

ABSTRAK

Negeri Kedah merupakan antara negeri yang terawal memiliki undang-undang zakat sendiri. Undang-undang pentadbiran zakat ini telah lama wujud iaitu sejak sebelum merdeka lagi, kemudian diangkat menjadi Enakmen Zakat Kedah 1955. Enakmen ini telah diguna pakai selama tempoh 60 tahun sehinggalah Enakmen Zakat Negeri Kedah 2015 digubal menggantikan Enakmen Zakat 1955. Sepanjang tempoh tersebut pelbagai perubahan dan perkembangan berlaku dalam sejarah penggubalan undang-undang ini. Ini bersesuaian dengan hehendak semasa masyarakat yang dinamik. Terdapat banyak pindaan berlaku ke atas peruntukan asal bagi tujuan melicinkan dan memudahkan pentadbiran zakat di negeri Kedah. Turut digubal undang-undang kecil seperti Peraturan-Peraturan Zakat 1962 dan juga Peraturan-Peraturan Zakat 1982 bagi mengisi kelompangan peruntukan. Kewujudan peraturan-peraturan ini adalah untuk menambahbaik pentadbiran undang-undang zakat yang sesuai dengan keadaan semasa. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti undang-undang bertulis berkaitan zakat yang wujud di negeri Kedah. Kajian juga bertujuan melihat pindaan-pindaan yang dilakukan ke atas undang-undang zakat bermula dari tahun 1955 sehingga 1982. Penemuan kajian menunjukkan banyak penambahbaikan berlaku dalam tempoh 60 tahun pengurusan undnag-undang pentadbiran zakat di Negeri Kedah. Artikel ini bersifat kualitatif dengan menggunakan kajian sejarah (*historical approach*) iaitu kajian bagi mengenalpasti asal usul sesebuah institusi diwujudkan atau melihat bagaimana sesuatu peruntukan atau sesuatu undang-undang itu digubal. Kajian mendapati terdapat kelompangan dari beberapa sudut. Justeru, di akhir artikel ini, beberapa cadangan penambahbaikan antaranya dalam aspek penguatkuasaan undang-undang ke atas pesalah-pesalah zakat. Selain itu penulis turut mencadangkan supaya.

KATA KUNCI

Sejarah; pentadbiran undang-undang; zakat; Kedah; undang-undang bertulis

ABSTRACT

Kedah is one of the earliest states to have its own zakat law. This law, governing the administration of zakat, has been in existence since before independence and was later established as the Kedah Zakat Enactment 1955. This enactment was in effect for 60 years until the Kedah State Zakat Enactment 2015 replaced the 1955 Zakat Enactment. Throughout this period, there were numerous changes and developments in the drafting of this law, reflecting the evolving needs of a dynamic society. Multiple amendments were made to the original provisions to streamline and facilitate the administration of zakat in Kedah. Sub-laws such as the Zakat Regulations 1962 and Zakat Regulations 1982 were also drafted to fill in legislative gaps. The creation of these regulations aimed to improve the administration of zakat law in line with current conditions. This study aims to identify written laws related to zakat existing in Kedah and to review amendments made to the zakat law from 1955 to 1982. The findings indicate several improvements during the 60-year period of zakat law administration in Kedah. This qualitative article employs a historical approach to understand the origins of an institution and to explore how specific provisions or laws were formulated. The study finds gaps from several angles. Consequently, this article proposes several improvements, particularly in the enforcement of laws against zakat offenders. Additionally, the authors suggest that types of assets subject to zakat, such

Article History

Received: May 10, 2023
Revised: June 5, 2023
Accepted: June 6, 2023
Published: June 15, 2023

✉ Contact

Mohd Shuzaini Soib
(Corresponding Author)
mohdshuzaini@student.usm.my

Citation

Mohd Shuzaini Soib, Jasni Sulong. 2023. Sejarah Pentadbiran Undang-Undang Zakat Di Negeri Kedah 1955-1982: Analisis Penggubalan Undang-Undang Bertulis. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 8(1): 69-78.

Copyright

© 2023 by the author(s)



This work is licensed under a Creative Commons Attribution-NonCommercial 4.0 International License.
(<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

as business, manufacturing, agriculture, and others, should be clearly specified in the zakat law.

KEYWORDS

History; law administration; zakat; Kedah; written law.

PENGENALAN

Sejak sebelum merdeka Negeri Kedah sudah memiliki satu set undang-undang khusus berkaitan zakat dan undang-undang ini dikuatkuasakan di negeri Kedah. Undang-undang ini kenali sebagai Enakmen Zakat Kedah 1955. Artikel ini akan membahas serta menganalisis sejarah perkembangan pentadbiran zakat di Negeri Kedah bermula dari tahun 1955 sehingga tahun 1982. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti undang-undang bertulis berkaitan zakat yang wujud dan diamalkan di negeri Kedah. Kajian ini juga dilakukan untuk mengenalpasti pindaan-pindaan yang dilakukan ke atas undang-undang zakat dari tahun 1955 sehingga 1982.

Umum mengetahui undang-undang bertulis ini merupakan satu bentuk pembaharuan dalam pentadbiran undang-undang dalam Islam. Walaupun al-Quran dan al-Hadis adalah merupakan dua sumber perundangan Islam tertinggi yang bertulis, namun ia bukan bersifat undang-undang bertulis yang mempunyai kuatkuasa undang-undang sebagaimana yang difahami dalam dunia moden pada hari ini. Kedua-dua sumber tersebut masih memerlukan tafsiran dan syarahan dalam konteks fekah menurut pemahaman para fuqaha tradisi dan kontemporari. Oleh kerana itu, nas-nas al-Quran dan al-Hadis yang sama menghasilkan pelbagai pandangan fekah sehingga melahirkan mazhab dan aliran fekah tersendiri.

Oleh kerana itu, penggubalan undang-undang khas berkaitan hukum Islam khususnya dalam perbincangan ini ialah mengenai zakat, adalah penting sebagai satu rujukan yang mutlak dan terhad. Hal ini bagi mengelakkan ia menimbulkan keclaruan pandangan dan mencetuskan amalan dan praktis yang berbeza. Berdasarkan kajian awal mendapati, sejarah pentadbiran undang-undang zakat di Negeri Kedah telah pun bermula lama iaitu seawal bertapaknya agama Islam di Tanah Melayu. Masyarakat dan Raja Melayu menerima agama Islam dan syariatnya sekali untuk diamalkan sebagai satu cara hidup. Jelasnya, sejak sebelum merdeka lagi didapati bahawa Negeri Kedah sudah memiliki satu set undang-undang khusus berkaitan zakat dan undang-undang ini telah dikuatkuasakan ke atas semua umat Islam di Negeri Kedah.

SEJARAH KEDATANGAN ISLAM KE KEDAH DAN PENTADBIRAN ZAKAT

Sejarah Kedah awal adalah dipengaruhi oleh ajaran agama Hindu dan Buddha sewaktu gugusan kepulauan Melayu pada ketika itu di bawah pemerintahan kerajaan Siam, Srivijaya dan Majapahit. Dapatan ini disahkan melalui penemuan tapak arkeologi Hindu Lembah Bujang di Merbuk, Kedah (Mohd Supian Sabtu, 2002).

Bagaimanapun kepercayaan dan cara hidup masyarakat Kedah berubah setelah kedatangan Islam melalui hubungan perdagangan dengan Arab, China dan India sekitar abad ke-7. Kedah dipercayai antara negeri Melayu yang terawal menerima Islam kerana lokasinya yang strategik di laluan antara Timur dan Barat. Pedagang yang hadir bukan sahaja untuk berdagang, malah mereka turut berdakwah dan menyebarkan ajaran Islam kepada komuniti setempat. Hasilnya penerimaan Islam oleh Raja telah membawa bersama rakyat dalam negeri sehingga sebahagian besar masyarakat Melayu pada ketika itu telah memeluk agama Islam (Ahmad Jelani Halimi, 1998).

Sebagai agama cara hidup (*way of life*), Islam yang diterima bukan sahaja pada kepercayaan tetapi juga pada amalan ke atas syariat. Kehadiran ilmu Islam dari Benua Arab iaitu Syeikh Abdullah al-Yamani yang bertanggungjawab mengislamkan Maharaja Derbar Raja II pada tahun 1136M merupakan tonggak kepada penyebaran agama Islam yang lebih menyeluruh. Baginda yang kemudiannya memakai gelaran Sultan Muzaffar Shah I telah melantik Syeikh Abdullah al-Yamani menjadi guru agama sultan dan menetap di Kedah (Abdul Rahman Abdullah, 2006).

Keislaman Raja telah menyebabkan ajaran Islam dipraktis ke atas semua rakyat. Oleh kerana itu didapati dalam barisan pemerintahan Kerajaan, ada pihak yang diberi tanggungjawab untuk menguruskan hal ehwal Islam sama ada sebagai pendakwah, guru agama, mufti dan hakim. Bertitik tolak daripada perlantikan Syeikh Abdullah al-Yamani ini sebagai guru dan pendakwah, gelaran alim-ulama di Kedah telah ditauliahkan oleh Sultan dengan gelaran yang sama (syeikh). Oleh kerana itu, pada tahun 1901 telah diwujudkan jawatan Syeikhul Islam bagi merujuk kepada mufti

di Kedah, sebelum ditubuhkan satu jawatankuasa yang dikenali sebagai *Majma' Syeikhul Islam* pada tahun 1936 yang bertindak secara kolektif untuk membantu Sultan dalam mufti dalam mengeluarkan pandangan hukum-hakam (Salwani Abdul Rahman,

2005).

Lebih khusus mengenai perkembangan undang-undang zakat, banyak kajian telah dilakukan berkaitan dengan sejarah pentadbiran undang-undang zakat di Negeri Kedah. Zakaria Othman et al (2019) pernah membahaskan berkaitan sejarah perundangan zakat di negeri Kedah melalui penulisannya bertajuk “350 Tahun Sejarah Perundangan Zakat di Negeri Kedah”. Walau bagaimanapun perbahasan dibuat secara ringkas tanpa menjelaskan secara terperinci dan jelas. Manakala kajian

Aisyah Kamaruddin (2017) yang pernah menulis berkaitan undang-undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh 1893. Terdapat juga kajian yang agak khusus berkaitan kerangka perundangan zakat di negeri Kedah yang telah dilakukan oleh Muhammad Azam Hussain dan Zuryati Mohamed Yusoff (2005). Kajian menjurus kepada peruntukan berkaitan dengan peraturan dan undang-undang berkuatkuasa di Negeri Kedah. Walau bagaimanapun artikel ini akan menjelaskan sejarah pentadbiran zakat yang wujud di Negeri Kedah bermula dari tahun 1955 sehingga tahun 1982. Analisis penggubalan undang-undang zakat di negeri Kedah juga turut dilakukan.

Azman Ab Rahman et al (2018) juga membincangkan berkaitan undang-undang zakat dan sejarah penubuhan Lembaga Zakat Negeri Kedah, namun penulisannya terlalu ringkas dan tidak menjelaskan tentang undang-undang bertulis berkaitan zakat yang wujud. Walau bagaimanapun artikel ini akan menjelaskan undang-undang zakat secara terperinci dan jelas. Kajian berkaitan perbandingan kesalahan dan hukuman berkaitan zakat dilakukan oleh Muhammad Hafiz bin Badarulzaman et al (2019). Kajian yang dilakukan menjurus kepada kesalahan-kesalahan dan hukuman-hukuman berkaitan zakat dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-negeri di Malaysia termasuklah negeri Kedah namun tidak mendatangkan peraturan-peraturan zakat di negeri Kedah secara menyeluruh.

Kajian berkaitan Kerangka Perundangan Pentadbiran Zakat Negeri Kedah juga telah dibuat oleh Muhammad Hafiz bin Badarulzaman et al (2017). Kajian yang dijalankan ini tertumpu kepada sejarah kerangka perundangan zakat di negeri Kedah. Anwar Ali (2012) pernah membincangkan mengenai sejarah pentadbiran zakat di negeri Kedah. Kajian ini mendapati Kedah merupakan negeri yang mempunyai model pengurusan zakat yang berbeza berbanding negeri-negeri lain di Malaysia. Perbezaan

ini berlaku disebabkan pentadbiran berkaitan zakat adalah diuruskan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah yang ditubuhkan di bawah enakmen khas berkaitan zakat dan bukanlah di bawah naungan kuasa Majlis Agama Islam Negeri seperti yang diamalkan oleh negeri-negeri lain (Jasni Sulong dan Anwar Mohd Ali, 2012).

Kajian-kajian berkaitan perundangan dan pentadbiran zakat di negeri Kedah sebenarnya

telahpun dilakukan oleh beberapa penulis. Walau bagaimanapun didapati tiada lagi kajian berkaitan undang-undang zakat negeri Kedah bermula dari tahun 1955 sehingga tahun 1982 secara lengkap dan tersusun beserta analisis undang-undang tersebut.

SEJARAH UNDANG-UNDANG BERTULIS BERKAITAN ZAKAT

Sebagaimana dimaklumi, penerimaan akidah Islam dalam kalangan rakyat dan Raja di Kedah telah menatijahkan penerimaan kepada amalan dan praktis. Ajaran dan hukum Islam mengenai kefarduan zakat di dalam al-Quran dan al-Hadis misalnya, diterima tanpa mungkir dan dihebahkan melalui siri pengajian agama dan pentadbiran berkaitan hal ehwal agama Islam. Umat Islam disedarkan menerusi tuntutan kewajipan daripada ajaran agama ini dengan mengamalkan segala perintah-perintah agama. Zakat adalah merupakan salah satu daripada kewajipan beragama yang telah diamalkan oleh umat Islam di negeri Kedah. Perkara ini dapat dibuktikan di dalam undang-undang Islam yang digunapakai di negeri Kedah sejak sebelum merdeka seperti berikut:

1. Undang-undang Kedah Ku Din Ku Meh 1893

Undang-undang Kedah versi Ku Din Ku Meh ialah naskhah undang-undang yang dipercayai telah ditulis pada tahun 1893. Ia dinamakan sedemikian kerana nama Ku Din Ku Meh telah tercatat sebagai pemiliknya. Menurut Tarekh Kerajaan Kedah (1911), Ku Din dikatakan pernah dilantik sebagai Kerani Penjara Alor Setar, kemudian Penolong Pentadbir di Wilayah Setul sehingga bersara sebagai Gabenor Setul pada tahun 1916. Menurut Allauwiyah Bt. Jusoh (2006), Undang-Undang Kedah versi Ku Meh Ku Din turut dikenali sebagai “Hukum Kanun Kedah”. Teks undang-undang ini dipercayai telah digunakan semasa pemerintahan Sultan Rijaludin Muhamad Shah (1035H-1062H bersamaan 1625-1652M). Teks undang-undang mempunyai 40 fasal undang-undang yang mengandungi campuran antara undang-undang adat dan Islam.

Fasal yang berkait dengan zakat dalam Undang-undang ini hanya secara umum sahaja iaitu di akhir peruntukan fasal ke-30. Dalam fasal ini, rakyat Perlis diseru agar berpegang kepada tiga peraturan antaranya ialah hendaklah mendirikan solat 5 waktu dan solat Jumaat, mengeluarkan zakat dan berpuasa di bulan Ramadhan. Manakala gesaan lain ialah supaya menghapuskan lanun di Selat Johor (di laut), membayar ripi sebagai belanja kerajaan; dan dilarang melakukan 'kejahatan' seperti berjudi, menyabung, menjauhi amalan tahl'ul dan syirik, serta tidak membiarkan tanah bendang tanpa mengusahakannya. Jelasnya, undang-undang ini hanya memberi nasihat mengenai tanggungjawab berzakat ke atas umat Islam Kedah pada waktu itu.

Menerusi penjelasan di atas jelaslah bahawa

negeri Kedah pernah di tadbir oleh sebuah kerajaan yang mengamalkan undang-undang Islam yang dikenali sebagai Hukum Kanun Kedah. Undang-undang ini dengan jelas menyebut tentang kewajipan melaksanakan perintah agama termasuklah mengeluarkan zakat yang menjadi pegangan rakyat negeri Kedah ketika itu.

2. *Notis P'lan al-Nasihah min Khusus al-Zakah*

Oleh kerana itu sejak tahun 1355H yang bersamaan dengan tahun 1936M, Negeri Kedah telah mengadakan satu peraturan bertulis iaitu "*P'lan al-Nasihah min Khusus al-Zakah*" yang bermaksud "Notis memberi nasihat berkaitan dengan perkara zakat". Notis tersebut dikeluarkan oleh Pejabat Syeikh al-Islam melalui *Majmaul Syeikh al-Islam* yang bertanggungjawab dalam pengurusan hukum-hakam Islam pada waktu itu. Di Kedah, jawatan Syeikh al-Islam telah ditubuhkan sejak tahun 1901 lagi bagi menjawab dan menyelaras hal ehwal hukum-hakam Islam di Negeri Kedah. Justeru, Notis bertulis ini secara tidak langsung menjadi dokumen khusus daripada pihak Kerajaan Kedah untuk makluman umat Islam di Negeri tersebut. Notis yang bertarikh 19 Jamadil Akhir 1355H itu adalah bersamaan dengan 5 September 1936M.

Sesuai dengan namanya, Notis tahun 1936 ini lebih kepada pernyataan mengenai tanggungjawab umat Islam untuk membayar zakat. Sebagai rukun Islam yang ketiga, zakat adalah merupakan kewajipan yang mesti ditunaikan bagi orang Islam yang telah memiliki harta yang mencapai nisab dan cukup haul (tempoh setahun simpanan). Notis ini dikeluarkan rentetan sebahagian masyarakat tidak membayar zakat kepada amil-amil yang dilantik oleh Kerajaan, tetapi secara langsung memberikannya kepada asnaf zakat yang lain seperti fakir dan miskin sahaja. Justeru, Pemangku Raja yang berkuasa pada waktu itu telah bersetuju menitahkan supaya orang ramai menyerahkan zakat kepada amil-amil yang dilantik oleh ulil amri sahaja untuk diagihkan kepada 8 asnaf yang terlibat. Hal ini kerana tanggungjawab kutipan dan agihan zakat adalah merupakan tugas Kerajaan.

Menurut Jabatan Zakat Negeri Kedah (1992), notis itu turut memasukkan cadangan peraturan zakat yang dinamakan sebagai "Perhimpunan Riyal Zakat dan Sedekah Orang-orang Islam" di Negeri Kedah. Ia mencatatkan bahawa pada tahun 1355H (1936M) adalah merupakan tarikh mula sebaran zakat secara rasmi dibuat kepada rakyat Negeri Kedah. Dipercayai bermula daripada tarikh ini, pengurusan rasmi mengenai zakat Negeri Kedah telah mula memainkan peranan bagi memberi nasihat, menyelia, menerima dan mengagih kutipan zakat daripada orang Islam Negeri Kedah.

3. Enakmen Zakat Kedah 1955

Sembilan belas tahun kemudian iaitu pada tahun

1955 Negeri Kedah telah menggubal undang-undang bertulis khusus mengenai zakat yang dikenali sebagai Enakmen Zakat Kedah 1955. Secara lebih tepat, ia diluluskan pada 9 Julai 1955 di Dewan Undangan Negeri Kedah. Selepas mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Sultan Kedah yang kemudiannya mewartakan undang-undang tersebut (Anwarul Yaqin, 2007). Kandungan utama undang-undang ini ialah menubuhkan satu komiti (jawatankuasa) berkaitan zakat yang bertanggungjawab untuk mentadbir dan menguruskan kutipan dan agihannya. Undang-undang ini hanya mengandungi 9 peruntukan berkaitan pentadbiran zakat di Kedah.

Seksyen 1 dan 2 Enakmen adalah sebagaimana undang-undang bertulis lain yang memaparkan nama statut tersebut dan tafsiran perkataan yang terdapat dalam Enakmen terbabit, iaitu "zakat". Seksyen 3 mengandungi penubuhan dan perlantikan Komite Zakat yang hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya 11 orang ahli iaitu seorang Pengerusi, seorang Setiausaha, seorang penyimpan wang dan tidak kurang daripada 8 orang ahli lain yang sekurang-kurangnya sebahagian daripada mereka hendaklah berkepakaran dalam hal ehwal zakat. Tempoh lantikan Komite ini ialah selama 3 tahun dan mereka akan dilantik oleh Tuanku al-Sultan dalam kalangan orang-orang Islam.

Selaras dengan penubuhan ini, Komite Zakat ini adalah sebuah badan yang boleh didakwa dan mendakwa. Seksyen 4 Enakmen 1955 antara lain memperuntukkan bahawa Komite ini bertanggungjawab ke atas segala pengurusan zakat di Negeri Kedah dan mempunyai cop rasmi mengenainya. Manakala Seksyen 5 menjelaskan bahawa Pengerusi atau Setiausaha berkuasa untuk memberi perakuan atau pengesahan rasmi berkaitan pengurusan zakat Negeri Kedah melalui tandatangan masing-masing.

Seksyen 6 memuatkan kandungan yang tidak kurang pentingnya bagi pengurusan zakat Negeri Kedah apabila memperuntukkan bahawa Komite berbidangkuasa dalam segala urusan yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran zakat termasuklah aspek memungut, menjaga (menyimpan) dan mengagih (mengeluarkan bayaran) kepada asnaf yang berhak (Muhammad Hafiz Badarulzaman et al, 2017). Bagi memudahkan pentadbiran, Seksyen 7 membenarkan penubuhan kumpulan Wang Simpanan khususnya bagi menyimpan wang zakat sebelum agihan dilaksanakan. Manakala kakitangan bagi pengurusan zakat ini juga dibenarkan untuk dilantik seperti para pegawai dan kakitangan sokongan supaya pengurusan menjadi teratur dan sempurna (Seksyen 8).

Selaras dengan undang-undang yang lain, Seksyen 9 memberi kuasa kepada Jawatankuasa untuk mengadakan peraturan-peraturan yang perlu

dari semasa ke semasa bagi memastikan tadbir urus hal ehwal zakat di Negeri Kedah dapat berjalan lancar dan sempurna.

Berdasarkan kepada perbincangan ketiga-tiga undang-undang zakat diatas dapatlah disimpulkan bahawa terdapat beberapa perbezaan dan juga persamaan antara ketiga-tiga undang-undang tersebut. Penulis mendapati ketiga-tiga undang-undang tersebut secara jelas menyebut tentang kewajipan umat Islam mengeluarkan zakat apabila cukup haulnya. Walau bagaimanapun Undang-undang Versi Ku Din Ku Meh hanya menyebut secara ringkas dan bersifat umum berbanding dengan Notis Amanah al-Nasihah min Khusus al-Zakah yang menjelaskan kewajipan berzakat secara khusus dan jelas iaitu sesiapa yang cukup tempoh setaun simpanannya wajib mengeluarkan zakat. Undang-undang tersebut dengan jelas memerintahkan supaya zakat dibayar kepada amil yang dilantik oleh pemerintah. Manakala undang-undang versi Ku Din Ku Meh tidak menyatakan kepada siapa zakat harus dibayar.

Enakmen Zakat Kedah 1955 pula merupakan undang-undang yang bersifat formal dan lebih sempurna berbanding dengan dua undang-undang sebelumnya. Enakmen Zakat Kedah 1955 digubal dan diluluskan oleh Dewan Undang Negeri dimana ianya mempunyai Sembilan peruntukan berkaitan pentadbiran zakat. Ini berbeza dengan undang-undang Versi Ku Din Ku Meh yang hanya ditulis dan dibukukan menjadi undang-undang. Begitu juga Amanah al-Nasihah min Khusus al-Zakah yang hanya dokumen bertulis yang berbentuk notis kerajaan sebagai pemakluman kepada rakyat yang ditulis oleh Syaikh al-Islam.

Enakmen Zakat Kedah 1955 ini juga menjelaskan berkaitan penubuhan jawatankuasa yang bertanggungjawab mentadbir urusan zakat. Turut dijelaskan bidangkuasa jawatankuasa serta memberi kuasa kepada jawatankuasa dalam mengadakan undang-undang berkaitan zakat mengikut keperluan semasa. Ini berbeza dengan Undang-undang Versi Ku Din Ku Meh dan juga Amanah al-Nasihah min Khusus al-Zakah yang tidak menyatakan berkaitan undang-undang tersebut.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi yang digunakan dalam menghasilkan kajian ini adalah kajian berbentuk kualitatif (David Silverman, 2010). Kaedah kualitatif sebegini telah dijelaskan oleh Creswell adalah suatu pendekatan yang digunakan bagi tujuan penerokaan dan juga untuk memahami fenomena, "*an inquiry approach useful for exploring and understanding a central phenomena*" (John. W Creswell, 2007). Dalam kajian ini, maklumat perundangan zakat dan aplikasinya dalam kalangan masyarakat diteliti berdasarkan pendekatan penerokaan dan fenomena

yang berlaku pada waktu itu. Maka sesuai lah kajian ini bersifat kualitatif yang boleh difahamkan sebagai sebarang kajian untuk menghasilkan sesuatu keputusan bukan dengan sebarang cara atau bentuk statistik atau mana-mana jenis kuantitatif (Straus & Corbin, 1988). Jelasnya, metode kualitatif ini dipakai bagi menggambarkan situasi dan keadaan berkaitan kehidupan dan amalan masyarakat Kedah dahulu sehingga hari ini dalam bentuk penceritaan, dengan menyoroti tingkah laku dan juga meninjau fungsi sesuatu organisasi atau perhubungan interaksi antara organisasi tersebut, di sini Lembaga Zakat Negeri Kedah, dan rakyat dan pemerintahnya.

Bagi memudahkan lagi kutipan data dan interpretasi, kajian ini juga turut menggunakan pendekatan kajian sejarah (*historical approach*) iaitu kajian bagi melihat asal usul sesebuah wilayah, institusi dan menyelidik bagaimana sesuatu peruntukan atau sesuatu undang-undang itu digubal dan mengalami perkembangan yang dinamik. Bagi mendapatkan maklumat yang bersifat sejarah sebegini, metode kajian kepustakaan turut digunakan bagi mengumpul sebanyak mungkin data-data dalam bentuk tesis, buku, artikel, dokumen, jurnal, majalah dan segala penulisan yang berkaitan dengan bidang kajian ini. Setelah data-data dan maklumat diperolehi, pendekatan metode analisa dokumen digunakan bagi menganalisis data-data dan maklumat tersebut.

Kajian temubual tidak berstruktur turut digunakan untuk menemubual pegawai di Lembaga Zakat Negeri Kedah bagi memastikan data yang dikumpul dapat diterjemah dan diinterpretasi dengan tepat sebagai kedudukan dan praktis pada masa dahulu. Selain itu, lawatan ke laman sesawang Lembaga Zakat Negeri Kedah juga dilakukan untuk mendapatkan maklumat-maklumat tambahan dan terkini. Hal ini akan menambahkan kejelasan dan ketepatan antara data mentah dan analisis kandungan yang dilakukan. Ia juga bagi mengelak interpretasi yang silap, atau perbincangan yang hanya berdasarkan persepsi dan bukannya hujahan yang tepat dan benar.

ANALISIS PERKEMBANGAN UNDANG-UNDANG ZAKAT NEGERI KEDAH

Sebagaimana dibincangkan sebelum ini, Enakmen Zakat 1955 mengandungi 9 seksyen. Seksyen-seksyen ini menerangkan berkaitan tatacara penubuhan jawatankuasa, peranan dan tanggungjawab serta bidangkuasa jawatankuasa (Mahyuddin Hj Ahmad, 2001). Seksyen 6 menjelaskan berkaitan peranan dan tugas jawatankuasa zakat. Isi kandungannya berbunyi:

"Maka bertanggunglah di atas komiti itu kena memungut dan menjaga zakat, memungut dan mengadakan tadbiran yang sempurna dan

mengeluarkan bayaran daripadanya menurut Undang-Undang Islam”

Di dalam seksyen ini jelaslah bahawa Jawatankuasa Zakat diberi kuasa sepenuhnya dalam menjalankan tugas-tugas berkaitan kutipan dan agihan zakat di negeri Kedah mengikut hukum syara` (Mahyuddin Hj Ahmad, 2001).

Penambahbaikan institusi ini adalah sesuatu yang sangat baik untuk pemegang taruh dan ekonomi umat Islam. Kajian Jasni Sulong dan Anwar Mohd Ali (2012) menunjukkan terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada peningkatan kutipan zakat dan seterusnya dapat membantu lebih ramai umat Islam iaitu melalui pengurusan zakat yang semakin cekap dan memudahkan kaedah pembayaran zakat ke atas muzakki. Hasil perkembangan ini, Undang-undang No. 4 ini sebenarnya telah menjadi asas atau punca kuasa kepada pentadbiran zakat negeri Kedah. Segala urusan dan pentadbiran zakat di negeri Kedah dipandu oleh enakmen zakat 1955 ini selama tempoh 60 tahun, sehinggalah satu enakmen baharu digubal dan diluluskan di Dewan Undangan Negeri Kedah iaitu Enakmen Lembaga Zakat Negeri Kedah 2015 (Zakaria Othman et al, 2019).

Dalam perkembangan Enakmen ini selama tempoh 60 tahun pentadbiran zakat di negeri Kedah, berlaku beberapa pindaan dalam menambahbaikan Enakmen Zakat Negeri Kedah 1955. Antara pindaan-pindaan tersebut ialah (Muhammad Azam et al, 2005):

- (i) pada 1 Januari 1957, pindaan melibatkan pertukaran pada nama “Komiti Zakat” kepada “Jawatankuasa Zakat”.
- (ii) pada 12 Disember 1961, pindaan melibatkan perubahan pada pecahan kutipan zakat iaitu daripada 4/8 kepada 8/8.
- (iii) pada 24 Jun 1975, pindaan melibatkan pertukaran perkataan “rial” kepada perkataan “wang”.
- (iv) pada 27 November 1977, pindaan berlaku ke atas hukuman ke atas pesalah zakat iaitu denda RM100 atau penjara tidak melebihi 6 hari kepada denda RM5000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun.

Di dalam seksyen 6 Undang-Undang Zakat 1955 telah memberi kuasa kepada jawatankuasa zakat dalam menjalankan urusan-urusan mengutip dan mengagihkan zakat di seluruh negeri Kedah, namun penguatkuasaan undang-undang ini tidak akan berkesan kerana tidak ada seksyen khusus yang menjelaskan secara terperinci berkaitan kesalahan dan hukuman yang boleh dikenakan ke atas pesalah-pesalah zakat. Bagi membolehkan penguatkuasaan undang-undang ini secara berkesan dan mengelakkan sebarang kemungkinan yang akan berlaku, maka peraturan-peraturan zakat 1962 digubal (Mahyuddin Hj Ahmad, 2001).

1. Peraturan-Peraturan Zakat 1962

Pada tahun 1962, satu rang undang-undang berkaitan zakat telah digubal yang dinamakan sebagai Peraturan-Peraturan Zakat 1962. Undang-undang ini digubal bersesuaian dengan kuasa yang diberikan oleh seksyen 9 Undang-Undang Zakat 1955 mengenai jawatankuasa Zakat. Peraturan-Peraturan ini telah dikuatkuasakan pada 1 Jun 1962. Di dalam Peraturan-Peraturan Zakat 1962 ini mengandungi 17 seksyen yang menjelaskan berkaitan bidangkuasa dan peranan pihak yang terlibat dengan urusan pentadbiran zakat seperti tugas jawatankuasa, tugas pengerusi, setiausaha, bendahari, jawatankuasa kerja dan tugas-tugas amil (Peraturan-Peraturan Zakat 1962). Di dalam seksyen 2 Peraturan Zakat 1962 turut menjelaskan secara terperinci siapakah golongan yang berhak menerima zakat. Peraturan ini sangat memberi manfaat dan memudahkan kerja amil dalam usaha memungut serta mengesan mana-mana orang Islam yang tidak membayar zakat kepada amil yang dilantik oleh pemerintah (Seksyen 2, Peraturan Zakat 1962). Dalam perkembangan ini tugas dan asnaf amil zakat telah diperluaskan di mana mereka berperanan membantu Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah untuk mengutip wang zakat. Pada hari ini, penglibatan amil telah dikembangkan kepada pelbagai institusi di mana Kerajaan telah mewujudkan kerjasama agensi-agensi juga dalam mengutip zakat demi menambah kutipan dan meluaskan potensi agihan kepada asnaf yang berhak.

Seksyen 7 Peraturan-peraturan ini pula menjelaskan bilangan ahli mesyuarat yang perlu hadir di dalam sesuatu mesyuarat. Peraturan ini sangatlah baik kerana ianya dapat membantu melancarkan perjalanan sesuatu mesyuarat. Tatacara untuk mengambil sesuatu tindakan juga dinyatakan secara jelas. Untuk memastikan semua ahli Jawatankuasa yang dipilih bertanggungjawab dengan tugas serta amanah yang diberikan dengan baik, maka peraturan-peraturan berkaitan dengannya dimasukkan ke dalam peraturan ini (Seksyen 7&8 Peraturan Zakat 1962). Peraturan tersebut berbunyi:

“Jika mana-mana ahli jawatankuasa tidak hadir dalam mesyuarat Tiga kali berturut-turut dengan tiada ada apa-apa sebab yang munasabah, maka bolehlah jawatankuasa mencadangkan ke bawah DYMM Sultan supaya dihentikan ahli itu”

Di samping itu, Peraturan-peraturan Zakat 1962 ini juga memasukkan ketetapan nisab zakat padi dan telah dijelaskan di dalam Seksyen 13 seperti berikut: “Maka tiada boleh dipungut zakat jika jumlah perolehan semuatanah bendang yang ditanam oleh seseorang Islam itu kurang daripada dua kunca, dua nalih, satu cupak, dua kepol”

Berdasarkan nisab zakat padi yang di jelaskan di atas, jelas menunjukkan bahawa setiap umat Islam

yang memperoleh hasil padi melebihi 2 kunca, 2 nalih, 6 gantang, 1 cupak, 2 kepol atau bersamaan dengan timbangan 1300.449 kilogram padi wajib mengeluarkan zakat kepada Jabatan Zakat Negeri Kedah (Mahyuddin Hj Ahmad, 2001).

Peraturan-Peraturan Zakat 1962 seterusnya menjelaskan bentuk tindakan yang boleh dikenakan kepada mana-mana orang Islam yang enggan membayar zakat ataupun membayar zakat tidak cukup seperti yang ditetapkan kepada amil yang dilantik oleh Jabatan Zakat Negeri Kedah (Seksyen 15 (i)(b), Peraturan Zakat Tahun 1962). Peraturan ini juga menjelaskan pihak yang bertanggungjawab dan diberi kuasa untuk bertindak atau menjalankan pendakwaan ke atas orang-orang Islam yang melanggar peraturan ini. Pihak-pihak ini di jelaskan di dalam peraturan seperti berikut:

“Berkuatkuasalah setiausaha atau mana-mana merinyu zakat yang diangkat oleh jawatankuasa boleh meminta kepada pengadil supaya dikeluarkan saman di atas mana-mana orang yang melakukan apa-apa kesalahan atau kesalahan-kesalahan di bawah peraturan ini dan mempunyai kuasa boleh menjalankan pendakwaan”.

Peraturan di atas menunjukkan pihak yang bertanggungjawab dalam mengambil tindakan ke atas mana-mana orang Islam yang melakukan pelanggaran undang-undang sama ada enggan membayar zakat atau membayar zakat kepada amil yang dilantik tetapi tidak cukup kadar yang sepatutnya ialah terdiri daripada setiausaha atau merinyau (penguatkuasa) zakat.

Peraturan di atas menjelaskan secara terperinci tentang jenis kesalahan dan juga jenis denda yang boleh dikenakan kepada mana-mana orang Islam yang melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan (Peraturan Zakat 1962, seksyen a 5(1)(a,b,c,d,dan f). Manakala seksyen 17 Peraturan Zakat 1962 ini pula menjelaskan pesalah-pesalah yang melakukan kesalahan di bawah peraturan ini hendaklah dibicarakan di Mahkamah Pengadil. Peraturan sebegini sangat penting untuk mengelak muzakki mengelak daripada membayar zakat ataupun lebih cenderung memilih pembayaran zakat secara terus kepada asnaf tanpa melalui institusi zakat formal kerana hilang keyakinan terhadap peranan utama institusi zakat di negara ini (Sanep Ahmad et. al, 2006).

Selepas Peraturan-Peraturan Zakat 1962 ini dikuatkuasakan, dapat dilihat dengan jelas pengurusan dan pentadbiran zakat di negeri Kedah lebih teratur dan lebih cekap. Peraturan-peraturan ini juga kelihatan lebih sistematik dan lebih terperinci. Ini memberi nilai tambah kepada pentadbiran zakat di negeri Kedah serta memudahkan urusan pentadbiran zakat jika dibandingkan dengan undang-undang yang telah digubal sebelumnya.

Untuk melancarkan lagi pengurusan dan operasi zakat di negeri Kedah, pada tahun 1982 sekali lagi

berlaku penambahan di dalam undang-undang berkaitan pentadbiran zakat. Peraturan-peraturan ini digubal dan dikenali sebagai Peraturan-Peraturan Zakat 1982 (Zakaria Othman et al 2019).

2. Peraturan-Peraturan Zakat 1982

Pada tahun 1982, Enakmen Undang-Undang Zakat Negeri Kedah 1955 sekali lagi berlaku perubahan. Pindaan ini dilakukan selepas mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuaku Sultan Kedah, dan dikenali sebagai Peraturan-Peraturan Zakat 1982. Selepas pindaan ini dilakukan, tanggal 25 Oktober 1982 peraturan ini dikuatkuasakan yang mengandungi 18 peruntukan (Muhammad Azam et al, 2005). Jika dilihat, peraturan Zakat 1982 ini tidak banyak perbezaan berbanding dengan Peraturan-Peraturan Zakat 1962 kerana hanya melibatkan beberapa pindaan sahaja dilakukan.

Terdapat empat seksyen yang terlibat dengan pindaan ini. Seksyen-seksyen tersebut ialah seksyen 13 iaitu berkaitan dengan nisab padi, seksyen 15 pula berkaitan dengan hukuman yang dikenakan ke atas orang-orang Islam yang melanggar Peraturan-Peraturan Zakat 1982, termasuk juga amil zakat yang dilantik, seksyen 16 dan 17 berkaitan pendakwaan pesalah-pesalah zakat. Di bawah adalah peruntukan asal seksyen 13:

“Maka tidak boleh dipungut zakat jika jumlah perolehan semua tanah bendang yang ditanam oleh seseorang Islam itu kurang daripada 2 kunca 2 nalih 6 gantang 2 kepol”

Kemudian seksyen ini dipinda kepada:

“Tiap-tiap penanam padi hendaklah membayar zakat atas kadar 10 peratus daripada perolehan kasar padinya bagi satu musim kecuali jika jumlah perolehan kasar bagi satu musim yang didapati oleh seorang itu kurang daripada 1,300.449 kilogram atau 2 kunca 6 gantang 1 cupak 2 kepol”

Apabila dilihat daripada kedua-dua peraturan di atas, jelas kelihatan perbezaan antara keduanya. Di dalam Peraturan-Peraturan Zakat 1982 telah ditetapkan kadar zakat yang mesti dikeluarkan kepada Jabatan Zakat Negeri Kedah oleh pembayar. Selain dari itu ukuran juga ditetapkan dengan menggunakan ukuran metrik yang menjadi kebiasaan yang diguna pakai oleh rakyat Malaysia. Ini jelas lebih memudahkan serta menyenangkan orang-orang Islam di negeri Kedah untuk membuat perkiraan atau penilaian jumlah zakat yang wajib dikeluarkan.

Seterusnya pindaan berlaku pada Seksyen 15 di mana kandungan asal seksyen 15 (f) Peraturan-Peraturan Zakat 1962 berbunyi:

“Mana-mana orang yang menjual, memindah milik atau dengan apa jalan jua pun kerana melepas padi atau tanaman padi daripada miliknya dengan niat hendak melepas daripada bayar zakat, adalah melakukan kesalahan menurut peraturan ini dan apabila sabit kesalahan boleh dihukum denda tiada

lebih daripada seratus ringgit atau penjara tiada lebih daripada enam bulan”.

Kemudian seksyen tersebut dipinda kepada:

“Mana-mana orang yang menjual, memindah milik atau dengan apa jalan juapun melepas padi atau tanaman padi daripada miliknya dengan niat hendak melepaskan daripada bayaran zakat, adalah melakukan kesalahan menurut peraturan ini dan apabila sabit kesalahan boleh dihukum denda tiada lebih daripada lima ratus ringgit atau penjara tiada lebih daripada enam bulan”.

Selain itu, seksyen 15 (3) Peraturan-Peraturan Zakat 1962 juga turut dipinda. Seksyen ini berkaitan dengan kesalaha-kesalah amil atau amil tidak menjalankan tugas. Dalam peraturan ini menyebut jika amil tidak menjalankan tugas yang diberikan adalah dikira satu kesalahan dan jika sabit dengan kesalahan tersebut boleh didenda tidak lebih daripada RM100, atau penjara tidak lebih dari enam bulan (Peraturan-Peraturan Zakat 1962, seksyen 15(iii)). Pindaan ini telah dibuat dengan mengubah jumlah denda yang dikenakan daripada RM100 kepada denda RM500. Begitu juga denda ke atas penanam padi dan juga ke atas amil yang melakukan kesalahan dipinda daripada RM100 kepada RM500. Seterusnya antara yang dipinda ialah seksyen 16. Peruntukan asal yang berbunyi:

“Berkuasalah setiausaha atau mana-mana merinyu zakat yang diangkatkan oleh jawatankuasa boleh meminta kepada pengadil supaya dikeluarkan saman di atas mana-mana orang yang melakukan papa-apa kesalahan atau kesalahan-kesalahan di bawah peraturan ini dan mempunyai kuasa boleh menjalankan pendakwaan”.

Pindan yang dilakukan adalah seperti berikut:

“Setiausaha atau mana-mana merinyu zakat yang diangkatkan oleh jawatankuasa boleh meminta kepada pengadil supaya dikeluarkan saman di atas mana-mana orang yang melakukan apa-apa kesalahan di bawah peraturan ini dan mempunyai kuasa boleh menjalankan pendakwaan ke atas mereka di dalam mahkamah kadi”

Jika diperhatikan dengan teliti, terdapat perbezaan yang jelas di dalam seksyen 16 ini kerana di dalam seksyen ini kuasa mengeluarkan saman diberikan kepada kadi berbanding dengan Peraturan Zakat 1962, kuasa mengeluarkan saman di berikan kepada pengadil. Pindaan ini juga turut melibatkan proses pendakwaan yang dikendalikan di Mahkamah Kadi.

Selain itu pindaan juga dilakukan di dalam seksyen 17 sebagaimana peruntukan asal di dalam seksyen 17 adalah seperti berikut: “Semua kesalahan di bawah peraturan ini hendaklah dibicarakan di

dalam Mahkamah Pengadil”.

Pindaan yang dilakukan pula adalah seperti berikut:

“Semua kesalahan di bawah peraturan ini hendaklah dibicarakan di dalam Mahkamah Kadi yang ditubuhkan oleh Enakmen Mahkamah Syaria’ah 1979”.

Jika dibandingkan antara kedua-dua peruntukan di atas, jelas terdapat perbezaan di dalam seksyen 17 ini, di mana tempat asalnya adalah di Mahkamah Pengadil, kemudian ditukar ke Mahkamah Kadi. Jelaslah segala pindaan yang dilakukan ke atas enakmen-enakmen zakat ini menunjukkan bahawa pengurusan zakat di negeri Kedah terus mengorak langkah menuju perubahan sesuai dengan keperluan-keperluan serta bersifat semasa.

Dalam perkembangan selepas itu iaitu di antara tahun 1984 hingga 1997, LZNK di bawah pengurusan Setiausaha Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah telah meluaskan pembayaran zakat harta ini kepada semua bidang harta yang wajib zakat. Hasilnya, bukan sahaja zakat padi dikenakan zakat di bawah zakat pertanian, malah zakat harta yang lain turut diwajibkan menerusi zakat ternakan, zakat emas dan perak serta zakat pendapatan yang termasuk dalam hasil usaha yang halal yang diusahakan oleh satu-satu individu. Sejak daripada itu, prestasi kutipan zakat terus menunjukkan peningkatan pada setiap tahun (Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki et. al, 2020).

Setelah Analisa dibuat, penulis mendapati terdapat banyak kelebihan pada kedua-dua peraturan ini dimana Peraturan-Peraturan Zakat 1982 menjadi pelengkap kepada Peraturan-Peraturan Zakat 1962. Peraturan yang mempunyai 17 seksyen ini telah menjelaskan dengan terperinci siapakah golongan yang berhak menerima zakat. Hal ini memudahkan tugas amil dalam usaha mengesan asnaf-asnaf yang berhak menerima zakat dan juga mengesan siapakah yang tidak membayar zakat dan siapakah yang enggan membayar zakat kepada amil yang dilantik. Selain itu peraturan ini juga menjelaskan bilangan jawatankuasa yang mesti hadir bagi setiap kali mesyuarat diadakan. Peraturan ini mampu melancarkan lagi perjalanan sesuatu mesyuarat yang diadakan tanpa perlu menunggu lama untuk memulakan sesuatu mesyuarat. Peraturan ini juga turut menjelaskan bentuk tindakan yang boleh diambil ke atas ahli mesyuarat yang tidak menjalankan tugas yang diberikan. Hal ini secara tidak langsung akan memberi amaran supaya setiap ahli yang dilantik supaya menjalankan tanggungjawab dan amanah yang diberikan kepadanya.

Peraturan-peraturan ini juga kelihatan sangatlah baik apabila dengan jelas menetapkan nisab zakat yang mesti dikeluarkan lebih-lebih lagi ditentukan kadar dalam sukatan metrik yang menjadi amalan masyarakat. Ini akan memudahkan lagi pembayar

untuk mengira jumlah zakat yang wajib dikeluarkan. Seterusnya peraturan-peraturan ini juga menjelaskan dengan terperinci jenis-jenis kesalahan dan jumlah denda yang akan dikenakan ke atas sesiapa yang melanggar peraturan ini sama ada orang awam ataupun amil yang dilantik oleh pemerintah. Hal ini boleh membentuk masyarakat dan umat Islam supaya membayar zakat yang diwajibkan kepada amil-amil yang dilantik oleh pemerintah. Begitu juga dengan amil-amil yang dilantik akan mampu membendung mereka dari melakukan kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan hukuman ke atas mereka. Selain itu dengan menaikkan kadar denda juga dapat membantu mengurangkan kesalahan-kesalahan di bawah peraturan-peraturan ini.

Walau bagaimanapun penulis juga mendapati terdapat beberapa kelemahan yang terdapat pada peraturan-peraturan ini antaranya ialah nisab zakat hanya ditetapkan kepada zakat padi sebaliknya harta-harta selain padi tidak dijelaskan sebagai harta yang wajib zakat seperti perniagaan, wang simpanan, pendapatan dan sebagainya. peraturan ini dilihat tidak menyeluruh dan tidak berubah mengikut perubahan masa. Walau bagaimanapun, keadaan ini telah berubah setelah jawatankuasa menggunakan kuasa yang diberikan dengan meluaskan zakat kepada harta selain padi.

Selain itu penulis juga mendapati kelemahan dari sudut penguatkuasaan undang-undang. Ini kerana banyak prosedur undang-undang tidak dijadikan sebagai undang-undang menyebabkan masyarakat tidak mengambil berat, sebaliknya mengambil sikap sambil lewa dalam kepatuhan membayar zakat. Lebih-lebih lagi kedudukan penguatkuasaan undang-undang zakat berada ditahap yang paling lemah. Umum mengetahui walaupun telah wujudnya peruntukan undang-undang berkaitan zakat, namun selepas tahun 1967 tidak ada pihak yang melanggar peraturan zakat dibawa ke mahkamah.

Kekurangan penguatkuasa zakat juga menjadi salah satu punca kegagalan untuk menguatkuasakan undang-undang zakat. Ini termasuklah kerja-kerja menyiasat dan mengenalpasti orang Islam yang tidak membayar zakat atau tidak membayar zakat kepada amil yang dilantik oleh pemerintah. Dengan kekurangan ini menyebabkan penguatkuasaan undang-undang tidak akan tercapai seperti yang dikehendaki.

Justeru penulis mencadangkan supaya jenis-jenis harta selain dari zakat padi seperti perniagaan, perkilangan, simpanan, pendapatan, emas dan perak dinyatakan dengan jelas di dalam undang-undang sebagai harta yang diwajibkan berzakat. Penulis juga mencadangkan melalui undang-undang zakat sedia ada, supaya menubuhkan unit penguatkuasa zakat bagi mengambil tindakan ke atas mana-mana orang Islam yang tidak mengeluarkan zakat atau tidak membayar zakat kepada amil yang telah dilantik oleh pemerintah. Selain itu penulis juga mencadangkan

supaya undang-undang zakat dikuatkuasakan dan pesalah-pesalah dibicarakan secara berasingan supaya ia tidak menjadi bebanan ke atas pihak berkuasa mahkamah.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya dapat ditegaskan bahawa undang-undang zakat di Negeri Kedah sudah lama wujud. Kedatangan Islam dan amalan ke atas penyariatian zakat telah dipraktis melalui dakwah, pendidikan, notis, undang-undang bertulis dan pindaan dari semasa ke semasa untuk memberi penambahbaikan kepada pentadbiran Kerajaan dan masyarakat Islam. Bukan sekadar itu, bahkan undang-undang ini terus mengalami perubahan dan perkembangan sesuai dengan keperluan dan keadaan semasa. Ini terbukti apabila berlakunya beberapa pindaan ke atas beberapa seksyen pada Enakmen Zakat 1955. Pindaan-pindaan ini bertujuan penambahbaikan dan juga memudahkan lagi pengurusan zakat.

Walau bagaimanapun tidak dinafikan bahawa masih terdapat ruang-ruang yang perlu ditambah baik bagi memastikan kejayaan sistem zakat itu sendiri. Sebagai contoh jika dirujuk kepada Peraturan-Peraturan Zakat 1962 didapati masih terdapat ruang boleh dibaiki antaranya pada seksyen 13. Di dalam seksyen ini ditegaskan hanya nisab padi yang perlu dikeluarkan zakat, tanpa menyebut hasil-hasil tanaman lain. Jelaslah bahawa peraturan ini masih boleh dikemaskini dengan memasukkan nisab bagi tanaman-tanaman yang berpotensi lain yang turut dikenakan zakat seperti durian, getah, kelapa sawit dan lain-lain, serta menetapkan kadar yang perlu dikeluarkan.

Penambahbaikan ke atas pelaksanaan undang-undang zakat ini didapati sangat penting kerana zakat adalah merupakan satu instrumen pemangkin pembangunan ekonomi negara yang sangat baik. Fungsinya yang membantu dan menaiktaraf golongan susah dan miskin serta pihak-pihak yang memerlukan bantuan kewangan seperti golongan yang terbeban dengan hutang, terputus bekalan, terkandas dalam perjalanan dan sedang menuntut ilmu di peringkat tertentu menjadi pemangkin kepada perubahan cara hidup dan perkongsian kesenangan untuk masa depan umat Islam yang lebih baik dan terjamin dari semasa ke semasa.

RUJUKAN

- Aisyah Kamaruddin. (2017). Undang-Undang Kedah Versi Ku Din Ku Meh (1893). Satu Pengenalalan Awal Dalam Konteks Pensejarahan Kedah Abad ke-19. *Persidangan Nasional Sejarah Dan Sejarahawan Malaysia 2017 Memperkasa Sejarah Nasional Dalam Melestarikan Pembangunan Negara*. Universiti Sains Malaysia, h. 75-93.

- Abdul Rahman Hj. Abdullah. (2006). *Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*. Selangor: Pustaka Haji Abdul Majid.
- Ahmad Jelani Halimi. (1998). "Kemasukan Islam Ke Kedah", dalam *Dokumentasi Konvensyen Sejarah Negeri Kedah Darul Aman 11*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Allauwiyah Bt. Jusoh. (2006). Analisis Teks Undang-Undang Kedah Berasaskan Perspektif Hukum Islam. Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Anuar Ali. (2012) Undang-Undang Pentadbiran Zakat Di Aceh dan Negeri Kedah: Satu Kajian Perbandingan. Tesis PhD di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan. Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang.
- Anwarul Yaqin. (2007). *Legal Research and Writing*. Kelana Jaya: Lexis Nexis. Azman Ab Rahman, Amzan Satiman, Muhamad Firdaus Ab Rahman dan Hussein
- Azeemi Abdullah Thaidi (2018) *Amalan Pengurusan Zakat Di Masjid Di Negeri Kedah: Satu Tinjauan Awal*. 4th Muzakarah Fiqh&International Fiqh Conference (MFIFC 2028) Kuala Lumpur.
- David Silverman. (2010). *Doing Qualitative Research*. London: Sage Publication Ltd. Jasni Sulong dan Anwar Mohd Ali. (2012). Kajian Perbandingan dalam Pentadbiran Undang-Undang Kutipan Zakat di Provinsi Aceh dan Negeri Kedah, *Kajian Malaysia*. 30(1), 107-138.
- John W. Creswell. (2007). *Qualitative Inquiry And Research Design: Choosing Among Five Traditions*. London: Sage.
- Mahyuddin Hj Ahmad. (2001). Konsep dan Amalan Pentadbiran Zakat di Negeri Kedah: Kajian Mengikut Enakmen Kedah 1955. Tesis PhD di Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki, Jasni Sulong, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani. (2020). Cabaran Amil Lembaga Zakat Negeri Kedah dalam Revolusi Perindustrian 4.0. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 5(1), 1-8.
- Mohd Supian Sabtu. (2002). *Tamadun Awal Lembah Bujang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Azam Hussain & Zuryati Mohamed Yusoff. (2005). Undang-Undang Zakat di Negeri Kedah: Satu Tinjauan. *Ulum Islamiyyah: Journal of Islamic Sciences*. Universiti Sains Islam Malaysia, h. 63-85
- Muhammad Hafiz bin Badarulzaman, Alias Azhar dan Che Thalbi Md Ismail. (2017). Kerangka Perundangan Pentadbiran Zakat di Negeri Kedah: Satu Analisis Perbandingan. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship*. 3(6), h.1-9.
- Muhammad Hafiz bin Badarulzaman dan Siti Nabilah Sulaiman (2019) *Analisis Perbandingan Kesalahan dan Hukuman Berkaitan Dengan Zakat Dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri Di Malaysia*. *Kanun Jurnal Undang-Undang Malaysia*, 31(1), 86-104.
- Salwani binti Abdul Rahman. (2005). Jabatan Mufti Negeri Kedah Darul Aman: Peranan Dan Sumbangan dalam Perkembangan Islam di Kedah. Disertasi Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Adnan Mohamad. (2006). Pensewastaaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia. *International Journal of Management Studies*. 13(2), 175-196.
- Zakaria Othman, Mohd Faisal Mustaffa dan Hafizah Zainal. (2019). *350 Tahun Sejarah Perundangan Zakat Di Negeri Kedah 1667M-2017M*. Kedah: Lembaga Zakat Negeri Kedah.

KANDUNGAN / CONTENTS

Pembekuan Akaun Bank Melalui Penghakiman Hiwalah Di Mahkamah Syariah <i>Freezing of Bank Accounts through Hiwalah Judgments in Shariah Court</i>	1-11
Mohd Hazwan Ismail	
Aplikasi Maqasid Syariah dalam Ibadah Bersuci dan Solat Bagi Anggota Sniper, Angkatan Tentera Malaysia	12-18
<i>The Application of Maqasid Shariah in Ritual Purity and Prayer for Snipers in The Malaysian Armed Forces</i>	
Mohd Sukri Haji Yahya, Muhammad Nazir Alias, Muhaidi Hj. Mustaffa Al-Hafiz, Azlisham Abdul Aziz, Mohamad Muntaha Hj Saleh	
Persepsi Pelajar Muslim Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Terhadap Faktor Pemilihan Pelaburan Dana Unit Amanah Islam (DUAI)	19-28
<i>Perceptions of Sultan Zainal Abidin University (UniSZA) Muslim Students Regarding the Investment Selection Factors of Islamic Unit Trust Fund (IUTF)</i>	
Mohd ‘Adli Zahri, Fatin ‘Alia Zahri, Nurul Ilyana Muhd Adnan	
Etika Berpakaian dalam Iklan Menurut Perspektif Islam	29-35
<i>Ethics of Dressing in Advertising from an Islamic Perspective</i>	
Nurul Najihah Binti Mohamad Shokri, Norhoneydayatie Abdul Manap	
Masjid Sebagai Alternatif Pusat Penjanaan Ekonomi Masyarakat Setempat: Satu Sorotan Literatur	36-41
<i>Mosques as an Alternative for Local Community Economic Development: A Literature Review</i>	
Mohamad Bazli Md Radzi, Salmy Edawaty Yaacob, Azlin Alisa Ahmad	
Keperluan Pembinaan Panduan Pemilihan Calon Pilihan Raya Untuk Belia	42-50
<i>The Need for Establishing Guidelines for Young Voters in the Selection of Electoral Candidates</i>	
Farrah Nuur Fatheeah Zullaile, Zuliza Mohd Kusrin, Anwar Fakhri Omar	
Pengoperasian Kontrak Tawarruq Dalam Sistem Teras Perbankan Islam di Malaysia	51-68
<i>The Implementation of the Tawarruq Contract in the Islamic Core Banking System in Malaysia</i>	
Mohd Naufal Mohd Tarmizi, Ahmad Hidayat Buang, Mohd Zaidi Daud	
Sejarah Pentadbiran Undang-Undang Zakat di Negeri Kedah 1955 - 1982: Analisis Penggubalan Undang-Undang Bertulis	69-78
<i>The History of Zakat Law Administration in Kedah 1955 - 1982: An Analysis of Written Law Legislation</i>	
Mohd Shuzaini Soib, Jasni Sulong	

حديث «لا يحل سلف وبيع» وتطبيقاته في باب الإجارة في المصارف الإسلامية

79-83

The Hadith "No Loan Coupled with a Sale is Permissible" and Its Applications in the Field of Leasing in Islamic Banks

Gamal Mohamed Ali Abdelrehim, Mohammad Zaini Yahaya, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani

Undang-Undang Adat Sembilan Puluh Sembilan Negeri Perak: Analisis Daripada Perspektif Perundangan Islam

84-93

The Ninety-Nine Customary Law of Perak: An Islamic Legal Analysis

Muhammad Nazirul Mohd Sabri, Jasni Sulong